

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan  
Universiti Teknologi MARA  
Kampus Machang.

**PENGAPLIKASIAN MOTIF KARTUN PADA KERONGSANG UNTUK  
PENGUNAAN KANAK-KANAK**

**NORAFZAN BINTI SHAFII**

**97345604**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENILUKIS DAN SENIREKA LOGAM**

**HALUS**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SESSI MEI – OKT 2001**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ucapkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan keizinanNya dapatlah saya menyiapkan tesis saya ini dengan seadanya. Segala kerumitan dan kepayahan untuk menyiapkan tesis ini dapat ditempuhi dengan bantuan daripada pelbagai pihak.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Dahuri bin. Idris selaku ketua kursus Fakulti Seni Lukis dan Senireka, UiTM Kampus Machang, Encik Sabri bin. Mohammad selaku penyelia tesis yang tidak pernah jemu membantu saya di dalam setiap proses penyusunan dan tunjuk ajar tentang apa yang diperlukan dalam menyiapkan tesis ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung sehingga ia siap di sempurnakan. Begitu juga kepada semua pensyarah yang terlibat.

Tanpa perhatian dan tunjuk ajar daripada mereka, tidak mungkin saya dapat menghasilkan tesis ini dengan baik. Kepada ibu bapa, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di sebabkan sokongan moral merekalah saya dapat menyiapkan tesis ini juga tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini.

Kepada semua sampel-sampel yang terlibat, sekalung ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang sesi temubual dan soal selidik yang dibuat. Apa yang mereka hulurkan amat di hargai dan jasa mereka tidak akan saya lupakan. Segala budi baik

mereka akan saya kenangi dan segala nasihat serta pengajaran akan saya jadikan pedoman untuk diri saya kelak.

Tidak lupa juga penghargaan ini kepada Encik Kamaruddin bin. Che Mat dan Encik Kamaruzzaman yang mewakili Pusat Pembangunan Kraf Negeri Kelantan yang sudi memberi kerjasama dan maklumat berkaitan dengan kajian saya. Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, staff-staff di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam, Encik Abdul Manan, pemilik K.B Permai, Encik Ariffin di Bahagian Unit Ethonologi, Perbadanan Muzium Terengganu Malaysia kerana kesudian mereka membantu saya.

Akhir sekali kepada individu-individu dan semua pihak yang terlibat termasuk seluruh kakitangan UiTM Kampus Machang, Kelantan di atas usaha-usaha yang dilakukan. Tanpa bantuan dan kerjasama semua pihak tidak mungkin tesis ini dapat berjalan dengan lancar. Bantuan dan segala apa yang disumbangkan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Norafzan binti. Shafii

Fakulti Senilukis dan Senireka Logam Halus

Universiti Teknologi Mara

Kampus Machang

Kelantan Darul Naim

2001

## SINOPSIS

Tesis ini mengupas tentang pengaplikasian motif kartun pada kerongsang untuk penggunaan kanak-kanak. Tujuan ia dihasilkan adalah untuk menjadikan motif kartun sebagai salah satu motif alternatif dalam gubahan idea dan rekaan terkini untuk meningkatkan lagi permintaan di kalangan lapisan masyarakat. Ini akan meningkatkan lagi perniagaan mereka apabila adanya pelbagai pilihan yang disediakan kepada para pelanggan dan juga sebagai satu alternatif baru untuk menarik minat kanak-kanak menggunakan kerongsang dan menjadikan salah satu motif yang akan diterima secara terbuka.

Kaedah yang digunakan ialah kaedah data prima yang mana membincangkan tentang kajian yang dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan soalan-soalan pendek, sesi temubual dan soalan-soalan bertulis yang merangkumi tajuk yang dikaji. Sampel kajian yang dipilih juga adalah terdiri daripada ibu bapa dan juga para peniaga. Alat ukuran seperti temuramah, soal selidik dan pemerhatian luar membantu pengkaji mencari jawapan kepada kajian yang dibuat. Kaedah secara rawak telah dibuat bagi mengumpulkan data dan pengkaji menilai data-data yang diperolehi melalui perbandingan yang dibuat dari segi nilai peratusan.

Unsur persamaan motif memang banyak kelihatan pada kerongsang yang dihasilkan kerana kebanyakan mereka yang menggunakannya terdiri daripada golongan dewasa yang lebih mementingkan kepada kesesuaian untuk memakainya. Perubahan motif, penggabungan rekacorak dan teknik-teknik membuat kerongsang perlu diperbaiki dan diperbaharui dengan baik. Ini adalah kerana didapati kanak-kanak kurang gemar memakai kerongsang. Motif kartun merupakan satu alternatif baru untuk meningkatkan bilangan pengguna terutama di



## SENARAI ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>HALAMAN PEMERIKSA</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SINOPSIS</b>	iv
<b>JADUAL SENARAI ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI GAMBAR</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>BAB 1 :      PENDAHULUAN</b>	
1.1      Pengenalan	1
1.2      Latar Belakang Kajian	3
1.2.1    Sejarah Barang Kemas di Malaysia	5
1.3      Permasalahan	24
1.4      Kepentingan Kajian	25
1.5      Soalan Kajian	26
1.6      Hipotesis	27
1.7      Skop Kajian	27
1.8      Definisi	28
<b>BAB 2 :      KAJIAN-KAJIAN LAMPAU</b>	
2.1      Pendahuluan	30